

BAB 3

TREND PENGANGGURAN SISWAZAH DI MALAYSIA

3.1 Pengenalan

Berdasarkan laporan Penyiasatan Tenaga Buruh yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan, kadar pengangguran tertinggi di Malaysia didominasi oleh golongan belia dalam lingkungan umur 15-24 tahun. Sekiranya dilihat daripada taburan peratus penganggur mengikut tingkat pencapaian pendidikan, golongan berkelulusan peringkat menengah merupakan penganggur tertinggi berbanding di peringkat tertiari dan kategori lain (rujuk jadual 3.1). Bilangan golongan ini yang ramai mungkin dapat dikaitkan dengan kegagalan mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Walaupun peratus penganggur di peringkat tertiari agak kecil berbanding peratus belia lepasan sekolah, namun peningkatannya adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak 3.1 peratus sepanjang tempoh 1997-2001 berbanding 1.5 peratus peningkatan golongan belia lepasan sekolah.

JADUAL 3.1

Taburan Peratus Penganggur Mengikut Tingkat Pendidikan,
1997-2001

TAHAP PENDIDIKAN	PENGANGGUR				
	1997	1998	1999	2000	2001
Tiada Pendidikan Rasmi	4.9	3.3	2.4	3.7	3.5
Rendah	17.3	16	15.2	15.8	14.1
Menengah	66.3	67.9	68.4	65.3	67.8
Tertiari	11.5	12.8	14	15.2	14.6

Sumber: Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia, pelbagai tahun.

Peningkatan dalam peratus penganggur peringkat tertiar ini memberi impak negatif bukan sahaja kepada individu, ekonomi dan negara malah dianggap sebagai satu ketidakcekapan dalam pengagihan sumber apabila usaha kerajaan untuk mewujudkan lebih ramai tenaga buruh mahir dan profesional di negara ini tidak mendapat pulangan atau hasil sebagaimana diharapkan.

Sehubungan itu, bab ini akan melihat trend pengangguran di kalangan golongan ini yang mana perbincangan akan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu trend umum dan khusus. Trend umum akan melihat corak pengangguran siswazah secara keseluruhan bagi tempoh 1998-2002. Manakala, trend khusus pula akan menjuruskan perbincangan mengikut jantina, kumpulan umur, bidang pekerjaan, kelulusan, kumpulan etnik, bidang pengajian, institusi pengajian tinggi, sektor pekerjaan, saluran mendapat pekerjaan, negeri mendaftar bagi mendapatkan pekerjaan, tahun tamat pengajian dan penempatan di sektor pekerjaan.

Perlu dijelaskan di sini bahawa istilah penganggur, pencari kerja dan pendaftar akan digunakan secara bersilih ganti dalam kajian ini bagi merujuk perkara yang sama, iaitu mereka yang tidak mempunyai pekerjaan dan aktif mencari pekerjaan dengan menggunakan khidmat JTM.

3.2 Trend Umum

Jumlah dan peratus siswazah (pemegang diploma dan ijazah) yang aktif¹⁴ mencari pekerjaan dengan mendaftar di JTM adalah terlalu kecil. Sepanjang tempoh 1998-2002, ia hanya menyumbangkan kurang daripada 20 peratus daripada keseluruhan jumlah pencari kerja (rujuk jadual 3.2). Meskipun begitu, bilangan mereka ini telah memperlihatkan peningkatan sebanyak 44 peratus sepanjang tempoh lima tahun tersebut, iaitu daripada 48,783 orang pada tahun 1998 kepada 70,187 orang pada tahun 2002. Peningkatan ini secara langsung mencerminkan jumlah peluang pekerjaan yang kurang dalam pasaran bagi golongan ini sekiranya dibandingkan dengan pertambahan dalam bilangan graduan yang dikeluarkan oleh institusi pendidikan tinggi tempatan dan luar negara.

Walaupun jumlah keseluruhan menunjukkan peningkatan, namun pada tahun 2001, bilangan penganggur ini telah berkurang kepada 54,851 orang apabila seramai 21,281 orang telah keluar daripada kelompok pencari kerja. Pengurangan ini dapat dikaitkan dengan peningkatan dalam jumlah peluang pekerjaan keseluruhan sebanyak 1.5 peratus dan tahap guna tenaga penuh yang masih dinikmati negara meskipun prestasi ekonomi berada pada keadaan yang agak perlahan kesan daripada kelembapan ekonomi Amerika Syarikat dan Jepun (Laporan Ekonomi 2001/2002).

¹⁴ JTM mendefinisikan pendaftar aktif sebagai pencari kerja yang berdaftar dengan JTM dalam tempoh sah laku pendaftaran, iaitu tiga bulan selepas tarikh mendaftar.

JADUAL 3.2

Jumlah Pendaftar Aktif Siswazah dan Bukan Siswazah,
1998-2002.

TAHUN	PENDAFTAR AKTIF		
	Siswazah	Bukan	Jumlah
1998	48,783 (13.1)	323,111 (86.9)	371,894
1999	62,736 (15.1)	352,525 (84.9)	415,261
2000	76,132 (18.5)	335,210 (81.5)	411,342
2001	54,851 (13.8)	342,169 (86.2)	397,020
2002	70,187 (15.7)	376,032 (84.3)	446,219
Jumlah	312,689 (15.3)	1,729,047 (84.7)	2,041,736


Nota: Angka dalam () merupakan peratus daripada jumlah.

Sumber: Disesuaikan daripada data di Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia.

Sekiranya dilihat pada graf 3.1 (data bulanan yang diplotkan)¹⁵, tiada sebarang trend khusus dapat ditunjukkan sepanjang tempoh 1998-2002, cuma terdapat peningkatan tidak ketara yang boleh dilihat dari Januari 1998 sehingga September 2000 sebelum berlakunya penurunan drastik kepada 2,856 orang pada Januari 2001 apabila ramai pencari kerja telah keluar dari lingkungan tidak bekerja. Pengurangan bilangan pencari kerja pada tahun 2001 ini dapat dikaitkan dengan pertumbuhan peluang pekerjaan serta

¹⁵ Graf yang diplot adalah berdasarkan data bulanan yang ditunjukkan di lampiran 1.

fungsi pasaran buruh yang semakin baik akibat daripada wujudnya pakej ransangan pemuliharaan ekonomi yang dilaksanakan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN).



Sumber: Jabatan Tenaga Rakyat, Kementerian Sumber Manusia,
disesuaikan.

3.3 Trend Khusus

Daripada jumlah penganggur siswazah keseluruhan, graduan wanita dikenalpasti sebagai golongan yang sukar mendapat pekerjaan serta mengalami permintaan yang rendah daripada pihak majikan berbanding graduan lelaki. Berdasarkan jadual 3.3, jumlah graduan wanita yang menganggur telah melebihi jumlah graduan lelaki. Peratus peningkatan golongan ini sepanjang tempoh lima tahun juga lebih tinggi sekiranya dibandingkan dengan peratus peningkatan penganggur lelaki, iaitu 65 peratus berbanding 20 peratus.

JADUAL 3.3

**Jumlah Pendaftar Aktif Siswazah Mengikut Jantina,
1998-2002**

TAHUN	JANTINA		
	Lelaki	Wanita	Jumlah
1998	22,981	25,802	48,783
1999	28,086	34,590	62,676
2000	29,035	40,177	69,212
2001	20,880	33,971	54,851
2002	27,639	42,548	70,187
Jumlah	128,621 (42)	177,088 (58)	305,709


Nota: Angka dalam () merupakan peratus daripada jumlah keseluruhan

Sumber: Disesuaikan daripada *Jadual Buletin: Perangkaan Bulanan Pendaftaran Di Jabatan Tenaga Rakyat, 1998-2002*.

Graf 3.2 menunjukkan trend pencari kerja siswazah mengikut jantina dari tahun 1998-2002. Kedua-dua golongan pencari kerja ini menunjukkan trend pengangguran yang sama, iaitu berlaku peningkatan daripada tahun 1998 sehingga 2000, tetapi berkurang pada tahun 2001 dan meningkat semula pada tahun 2002. Walau bagaimanapun, trend pengangguran bagi siswazah lelaki didapati agak malar sepanjang tempoh tersebut jika dibandingkan dengan golongan wanita. Manakala, jumlah keseluruhan pula memperlihatkan trend peningkatan dan penurunan yang lebih jelas berbanding kedua-dua trend golongan graduan tersebut.

GRAF 3.2

Trend Pencari Kerja Siswazah Mengikut Jantina Dari Tahun 1998-2002.



Sumber: Daripada jadual 3.3

Peratus penganggur lelaki yang rendah berbanding wanita ini dapat dikaitkan dengan sikap mereka yang tidak suka menunggu kerja dalam tempoh masa yang panjang dan cenderung untuk merebut apa sahaja peluang pekerjaan yang ada bagi memenuhi

keperluan diri dan tanggungjawab hidup. Ketidakseimbangan keluaran siswazah dari universiti tempatan mengikut jantina¹⁶ juga dapat dikaitkan dengan peningkatan bilangan penganggur wanita. Ini ditambah pula dengan sikap majikan yang cenderung mengupah graduan lelaki yang dikatakan lebih produktif dan mempunyai komitmen kerja yang tinggi berbanding wanita¹⁷.

Selain daripada jantina, siswazah yang baru menamatkan pengajian, tidak mempunyai pengalaman kerja serta pertama kali memasuki pasaran pekerjaan dikenalpasti sebagai golongan yang paling ramai menganggur sepanjang tempoh 1998-2002. Ini berdasarkan jumlah mereka yang paling tinggi berada dalam lingkungan umur 20-24 tahun (lingkungan umur tamat pengajian) berbanding kumpulan umur lain, iaitu 25-29, 30-39 dan 40 tahun ke atas (rujuk jadual 3.4).

Graf 3.3 pula memperlihatkan secara keseluruhan, penganggur yang mempunyai ijazah dan diploma dalam kumpulan umur 20-24 tahun telah mendahului kumpulan umur lain dan menunjukkan peningkatan daripada 31,379 orang pada tahun 1998 kepada 43,287 orang pada tahun 2000 dan 46,345 orang pada tahun 2002. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran ini telah berkurang sebanyak 15 peratus pada tahun 2001 menjadikannya 36,784 orang. Bagi kumpulan umur 25-29 tahun pula, ia tidak menunjukkan sebarang trend ketara apabila berlaku naik turun dalam bilangan pencari kerja bagi kumpulan umur ini. Begitu juga bagi kumpulan umur 30-39 dan 40 tahun ke atas.

¹⁶ Carta 13 dalam *Perangkaan Pendidikan Malaysia 2000*, him. 19 menunjukkan bahawa sepanjang tempoh 1996-2000, jumlah graduan wanita lebih ramai berbanding graduan lelaki.

¹⁷ Untuk mengetahui lebih lanjut tentang diskriminasi antara jantina dalam pekerjaan lihat Lee Kiong Hock et al. (1987).

JADUAL 3.4


Jumlah Pendaftar Aktif Siswazah Mengikut Kumpulan Umur,
1998-2002.

TAHUN	KUMPULAN UMUR			
	20-24	25-29	30-39	40+
1998	31,379	3,184	508	653
1999	40,381	3,718	453	534
2000	43,287	3,550	485	598
2001	36,784	2,214	368	445
2002	46,345	3,176	439	545

Sumber: Disesuaikan daripada Jadual Buletin: Perangkaan Bulanan Pendaftaran Di Jabatan Tenaga Rakyat, 1998-2002.

GRAF 3.3

Trend Penganggur Siswazah Mengikut Kumpulan Umur,
1998-2002



Sumber: Daripada jadual 3.4

Jumlah penganggur yang ramai daripada golongan umur 20-24 tahun boleh dikaitkan dengan bilangan enrolmen dan keluaran graduan yang semakin bertambah dari institusi pengajian tinggi tempatan. Manakala, wujudnya bilangan penganggur siswazah dalam lingkungan umur 30-40 tahun ke atas berkemungkinan diakibatkan oleh pemberhentian pekerja oleh majikan semasa kemelesetan ekonomi.

Sekiranya dikategorikan siswazah mengikut bidang pekerjaan, pencari kerja tertinggi adalah mereka yang mempunyai kelulusan berkaitan dengan bidang kerja pentadbiran dan pengurusan yang melakukan pekerjaan seperti Pegawai Personel, Pegawai Tadbir, Setiausaha, Peguam, Pengurus Penyelidikan dan Pembangunan, Pengurus Pengeluaran, Pentadbiran dan Pengurusan yang lain serta Pegawai Perhubungan Awam (rujuk lampiran 3 untuk melihat jenis pekerjaan di bawah bidang pekerjaan lain).

Jadual 3.5 menunjukkan sepanjang tahun 1998, 2000 dan 2002, jumlah penganggur yang mempunyai kelulusan dalam bidang berkaitan pekerjaan pentadbiran dan pengurusan adalah paling tinggi mencari kerja berbanding bidang lain, iaitu masing-masing 19,172, 33,267 dan 22,852 orang. Ini diikuti oleh siswazah dalam bidang ekonomi dan kewangan serta kejuruteraan. Walau bagaimanapun, berbeza dengan dua tahun sebelumnya, pada tahun 2002, penganggur dalam bidang kejuruteraan telah mengatasi jumlah penganggur dalam bidang ekonomi dan kewangan.

Penganggur dalam bidang komputer dan statistik juga turut meningkat, terutamanya selepas tahun 1998 meskipun buruh berkemahiran IT amat diperlukan oleh negara dalam mengharungi era globalisasi dan ICT. Walaupun bilangan mereka dalam bidang perubatan dan kesihatan menunjukkan peningkatan, iaitu daripada 417 kepada 710

orang sepanjang tempoh tiga tahun tersebut, namun golongan ini diandaikan lebih mudah mendapat pekerjaan berdasarkan jumlah pencari kerja yang tidak ramai.

JADUAL 3.5

Jumlah Pendaftar Aktif Siswazah Mengikut Bidang Pekerjaan,
Bagi Tahun 1998, 2000 dan 2002

BIDANG PEKERJAAN	TAHUN		
	1998	2000	2002
Kejuruteraan (Jurutera)	8,736	12,925	14,352
Pentadbiran dan Pengurusan	19,172	33,267	22,852
Pemasaran dan Jualan	1,629	1,546	2,292
Ekonomi dan Kewangan	10,158	13,277	11,253
Komputer dan Statistik	3,254	6,526	8,757
Sains dan Teknologi	1,299	2,059	2,524
Perubatan dan Kesihatan	417	669	710
Bangunan dan Pembinaan	1,895	2,476	2,036
Pendidikan	633	1,078	1,773
Lain-lain	1,309	1,861	3,040
Jumlah	48,502	75,684	69,589

Sumber: Disesuaikan daripada *Jadual Buletin: Perangkaan Bulanan Pendaftaran Di Jabatan Tenaga Rakyat, 1998-2002*.

Daripada bidang pekerjaan ini, dapat dibuat kesimpulan bahawa pencari kerja daripada bidang bukan teknikal atau Sastera (pentadbiran dan pengurusan, pemasaran dan jualan, ekonomi dan kewangan, Pendidikan dan lain-lain) adalah lebih ramai berbanding bidang Sains dan teknikal. Ia menunjukkan peningkatan daripada 32,901 orang pada tahun 1998 kepada 51,029 orang pada tahun 2000 dan berkurang kepada 41,210 orang pada tahun 2002 (rujuk jadual 3.6). Berbeza pula dengan bidang teknikal dan Sains, ia menunjukkan trend peningkatan sepanjang tiga tahun tersebut, iaitu daripada 15,601

orang kepada 24,655 dan meningkat lagi kepada 28,379 orang. Pengurangan bilangan pencari kerja dari bidang bukan teknikal ini dapat dikaitkan dengan usaha kerajaan untuk meramaikan siswazah dari bidang Sains dan teknikal bagi memenuhi keperluan guna tenaga negara dalam rancangan pembangunannya.

JADUAL 3.6

Pendaftar Aktif Siswazah Mengikut Bidang Teknikal dan Bukan Teknikal,
Bagi Tahun 1998, 2000 dan 2002.

TAHUN	BIDANG		JUMLAH
	Teknikal	Bukan	
1998	15,601	32,901	48,502
2000	24,655	51,029	75,684
2002	28,379	41,210	69,589

Sumber: Disesuaikan daripada jadual 3.5.

Graduan Melayu yang dikatakan lemah dalam menguasai bahasa Inggeris serta tidak memperoleh keputusan akademik yang cemerlang merupakan penganggur tertinggi berbanding kumpulan etnik yang lain. Di samping itu, golongan ini juga paling ramai memilih bidang Sastera yang ternyata sukar mendapat pekerjaan¹⁸. Jadual 3.7 menunjukkan daripada 7,928 orang siswazah yang tidak bekerja dan mencari kerja dengan mendaftar di JTR sepanjang Januari 2001 hingga Mei 2002, 88.4 peratus daripadanya adalah graduan Melayu, manakala selebihnya diwakili oleh bangsa lain seperti Bumiputera lain (6.3 peratus), Cina (2.2 peratus), India (1.8 peratus) dan lain-lain (1.2 peratus). Pecahan peratusan ini dapat dilihat secara jelas dalam carta 3.1 yang menunjukkan peratus penganggur siswazah mengikut kumpulan etnik dari bulan Januari 2001 sehingga Mei 2002.

¹⁸ Menurut kenyataan Datuk Mustapa Mohamed dalam Berita Harian bertarikh 4 Mei 2002.

JADUAL 3.7


Peratus Penganggur Siswazah Mengikut Etnik, Institusi Pengajian Tinggi dan Tahap Kelulusan, Dari Januari 2001-Mei 2002.

CIRI-CIRI		PERATUS
Etnik	Melayu	88.4
	Bumiputera Lain	6.3
	Cina	2.2
	India	1.8
	Lain-lain	1.2
Institusi Pengajian Tinggi	Awam	79.4
	Swasta	19.1
	Tidak diketahui institusinya	1.5
Tahap Kelulusan	Ijazah	53.1
	Diploma	46.9

Sumber: Disesuaikan daripada *Kajian Mengesan Kedudukan Pekerjaan Siswazah Setelah Berdaftar Dengan Jabatan Tenaga Rakyat Dari Januari, 2001 Sehingga Mei, 2002*, Kementerian Sumber Manusia.

CARTA 3.1

Peratus Penganggur Siswazah Mengikut Kumpulan Etnik,
Januari 2001-Mei 2002




Sumber: Daripada jadual 3.7

Sepanjang tempoh tersebut juga graduan lepasan IPTA didapati lebih ramai menganggur berbanding lepasan IPTS (jadual 3.7). Seramai 6,295 atau 79.4 peratus daripada 7,928 orang yang berdaftar dengan JTM sepanjang Januari 2001 sehingga Mei 2002 adalah dari IPTA manakala 19.1 peratus atau 1,514 orang dari IPTS. Carta 3.2 menunjukkan pecahan peratusan pengangguran ini dengan lebih jelas. Keadaan ini dapat dikaitkan dengan kelemahan pelajar IPTA dalam menguasai bahasa Inggeris. Pengajaran bahasa Inggeris dalam kurikulum IPTA yang hanya membolehkan pelajar memahami, tetapi tidak menguasai menyebabkan graduan IPTA sukar menempatkan diri di sektor pekerjaan, khususnya di sektor swasta (Idris, 1999). Keadaan ini berbeza dengan graduan IPTS yang lebih menguasai bahasa antarabangsa ini memandangkan ia merupakan bahasa komunikasi wajib dalam proses pembelajaran dan pengajaran di samping wujudnya program berkembar institusi tersebut dengan universiti luar negara (terhasil daripada proses liberalisasi dalam sistem pendidikan negara) yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa perhubungan utama.

Jadual 3.7 juga menunjukkan peratus penganggur di kalangan pemegang ijazah adalah lebih tinggi berbanding pemegang diploma, iaitu 53.1 berbanding 46.9 peratus bagi tempoh yang sama. Ini menggambarkan graduan yang mempunyai diploma lebih mudah mendapat pekerjaan berbanding pemegang ijazah. Kadar upah mereka yang lebih rendah disertai dengan kesanggupan majikan memberi latihan kepada mereka sedikit sebanyak mengurangkan kadar pengangguran golongan ini.

CARTA 3.2

Peratus Siswazah Menganggur yang Berdaftar Di JTM (IPTA dan IPTS),
Januari 2001-Mei 2002



Sumber: Daripada jadual 3.7

Graduan berkelulusan dalam bidang perakaunan seperti pengurusan perniagaan, kewangan dan perdagangan¹⁹ paling ramai menganggur sepanjang Januari 2001 sehingga Mei 2002, iaitu seramai 2,308 orang atau 29.1 peratus (rujuk jadual 3.8). Ini dikuti oleh graduan dari bidang Kejuruteraan (1,426 orang atau 18 peratus), Kemanusiaan (1,251 orang atau 15.8 peratus) dan Sains (1,149 orang atau 14.5 peratus). Manakala, graduan dari bidang pendidikan dan kesihatan yang menyumbangkan peratus terendah (0.2) menunjukkan golongan ini tidak menghadapi kesukaran dalam mendapatkan pekerjaan.

¹⁹ Klasifikasi bidang pengajian boleh dilihat dalam lampiran 4.

JADUAL 3.8

Jumlah dan Peratus Penganggur Siswazah Mengikut Bidang Pengajian,
Januari 2001-Mei 2002.

BIDANG PENGAJIAN	JUMLAH	PERATUS
Kesihatan	17	0.2
Teknologi Maklumat	414	5.2
Ekonomi	190	2.4
Sains	1,149	14.5
Perakaunan	2,308	29.1
Pengajian Islam	354	4.5
Pendidikan	17	0.2
Kemanusiaan	1,251	15.8
Kejuruteraan	1,426	18.0
Perancang Bandar & Desa	199	2.5
Lain-lain	586	7.4
Tidak Dinyatakan	17	0.2
Jumlah	7,928	100.0

Sumber: *Kajian Mengesan Kedudukan Pekerjaan Siswazah Setelah Berdaftar Dengan Jabatan Tenaga Rakyat Dari Januari, 2001 Sehingga Mei, 2002, Kementerian Sumber Manusia.*

Jumlah penganggur yang ramai dalam bidang Kumanusiaan bukanlah satu isu baru memandangkan ia telah dikenalpasti sebagai punca siswazah sukar mendapat pekerjaan sejak tahun 1980-an lagi ekoran daripada jumlah pengambilan pelajar yang terlalu ramai dalam aliran Sastera berbanding aliran Sains di peringkat universiti. Berbeza dengan bidang Kumanusiaan, mereka dari bidang Kejuruteraan dan Sains yang menghadapi permintaan yang tinggi turut berhadapan dengan kesukaran mendapat pekerjaan. Ini mungkin dapat dikaitkan dengan peningkatan dalam jumlah

keluaran graduan dari bidang Sains dan teknikal yang tidak relevan dengan kehendak dan keperluan pasaran pekerjaan.

Berdasarkan jadual 3.9, negeri Kelantan telah mencatatkan jumlah dan peratusan pencari kerja siswazah tertinggi berbanding negeri-negeri lain, iaitu seramai 1,014 orang (12.8 peratus), manakala Wilayah Persekutuan Labuan telah mencatatkan jumlah penganggur terendah (10 orang atau 0.1 peratus). Jumlah penganggur yang ramai di negeri Kelantan ini berkemungkinan disebabkan oleh struktur ekonominya yang kurang maju (Rancangan Malaysia Kelima dan Keenam) dan banyak bergantung kepada sektor pertanian (Norhaslina, 2001). Ini menyebabkan peluang pekerjaan banyak tertumpu di sektor ini berbanding sektor-sektor lain yang lebih moden serta dapat menyediakan peluang kerja yang lebih baik untuk pemegang diploma dan ijazah.

Di samping itu, Negeri Johor, Pahang, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Terengganu dan Sarawak juga turut mencatatkan jumlah dan peratus pendaftar tertinggi apabila masing-masing mencatatkan 905 (11.4 peratus), 831 (10.5 peratus), 739 (9.3 peratus), 764 (9.6 peratus), 674 (8.5 peratus), 683 (8.6 peratus) dan 647 orang (8.2 peratus).

Tidak semua pemegang ijazah dan diploma akan mendapat pekerjaan sejurus selepas menamatkan pengajian. Persepsi masyarakat tentang siswazah akan memperoleh pekerjaan yang setaraf dengan tingkat pendidikan serta menerima pendapatan yang lumayan selepas menamatkan pengajian tidak lagi benar apabila peluang pekerjaan semakin terhad.

JADUAL 3.9

**Jumlah dan Peratus Siswazah Menganggur Mengikut Negeri Tempat Pendaftaran,
Januari 2001-Mei 2002.**

NEGERI	JUMLAH	PERATUS
Johor	905	11.4
Kedah	739	9.3
Kelantan	1,014	12.8
Melaka	561	7.1
Negeri Sembilan	31	0.4
Pahang	831	10.5
Pulau Pinang	764	9.6
Perak	674	8.5
Perlis	150	1.9
Selangor	232	2.9
Terengganu	683	8.6
WPKL	263	3.3
Sabah	424	5.3
Sarawak	647	8.2
Labuan	10	0.1
Jumlah	7,928	100.0

*Sumber: Kajian Mengesan Kedudukan Pekerjaan Siswazah Setelah
Berdaftar Dengan Jabatan Tenaga Rakyat Dari Januari, 2001
Sohingga Mei, 2002, Kementerian Sumber Manusia.*

Siswazah terpaksa bersaing untuk menempatkan diri dalam pasaran kerja dan bagi mereka yang gagal akan mengalami proses 'menunggu' yang panjang. Jadual 3.10 menunjukkan masih terdapat seramai 38 orang graduan yang menamatkan pengajian sebelum tahun 1990 berada dalam keadaan tidak bekerja. Walau bagaimanapun, penganggur teramai adalah mereka yang menamatkan pengajian dalam tempoh 2000-2002, iaitu seramai 6,532 orang berbanding 1,107 orang yang menamatkan pengajian

JADUAL 3.10

Jumlah dan Peratus Siswazah Menganggur Mengikut Tahun Tamat Pengajian,
Januari 2001-Mei 2002.

TAHUN TAMAT PENGAJIAN	JUMLAH	PERATUS
Sebelum 1990	38	0.5
1990	17	0.2
1991	12	0.2
1992	21	0.3
1993	20	0.3
1994	28	0.4
1995	41	0.5
1996	80	1.0
1997	130	1.6
1998	208	2.6
1999	550	6.9
2000	1,794	22.6
2001	3,883	49
2002	855	10.8
Tidak dinyatakan	251	3.2
Jumlah	7,928	100.0

Sumber: *Kajian Mengesan Kedudukan Pekerjaan Siswazah Setelah Berdaftar Dengan Jabatan Tenaga Rakyat Dari Januari, 2001 Sehingga Mei, 2002, Kementerian Sumber Manusia.*

dalam tempoh 1990-1999. Jadual yang sama juga menunjukkan penganggur tertinggi adalah mereka yang menamatkan pengajian pada tahun 2001 dan ini diikuti dengan mereka yang menamatkan pengajian pada tahun 2000, iaitu masing-masing seramai 3,883 dan 1,794 orang. Jumlah penganggur yang ramai pada tahun 2001 dapat

dikaitkan dengan tingkat aktiviti ekonomi yang perlahan ekoran kelembapan ekonomi dunia (Laporan Ekonomi 2001/2002).

Jadual 3.11 menunjukkan jumlah penempatan²⁰ pendaftar aktif siswazah mengikut sektor dari tahun 1998-2002. Didapati sepanjang tempoh lima tahun tersebut, kebanyakannya daripada jumlah pendaftar yang aktif mencari pekerjaan telah berjaya ditempatkan ke sektor-sektor penting seperti di dalam jadual. Walau bagaimanapun, jumlah ini bukanlah mewakili jumlah sebenar memandangkan tidak semua pekerja yang telah mendapat pekerjaan akan melaporkan status pekerjaan mereka ke JTM²¹.

Sektor kewangan, insurans, perkhidmatan harta benda dan perniagaan telah menempatkan pencari kerja siswazah paling ramai, iaitu 761 orang. Ini kemudiannya diikuti pula oleh sektor pembuatan (743 orang) dan pembinaan (595 orang). Jumlah siswazah yang paling sedikit ditempatkan ialah di sektor pertanian, perhutanan, pemburuan dan penangkapan ikan (5 orang). Pengurangan penempatan siswazah di sektor pembuatan daripada 151 (1998) kepada 140 orang (2002) dan peningkatan penempatan mereka di sektor kewangan, insurans, perkhidmatan harta benda dan perniagaan daripada 129 (1998) kepada 194 orang (2002) telah membuktikan bahawa struktur ekonomi negara kini berada dalam fasa peralihan daripada sektor pembuatan (kedua) kepada sektor perkhidmatan (tertiari).

Sektor swasta dilihat sebagai majikan yang dominan dalam menyediakan pekerjaan kepada graduan berbanding sektor awam sepanjang Januari 2001-Mei 2002 apabila 72.6 peratus (2,076 orang) daripada 2,858 orang siswazah yang telah mendapat

²⁰ Istilah penempatan sebagaimana tercatat dalam buletin bulanan JTR ialah meliputi penempatan secara tetap dan tidak termasuk penempatan sementara yang dilaporkan oleh majikan kepada JTM.

²¹ Menurut kenyataan pegawai di JTM.

pekerjaan sepanjang tempoh tersebut telah bekerja dalam sektor ini. Manakala, hanya 24.1 peratus (689 orang) sahaja graduan yang bekerja di sektor awam, 1.2 peratus lagi bekerja sendiri dan 2.0 peratus tidak dapat diketahui sektor pekerjaan mereka.

JADUAL 3.11

Jumlah Penempatan Pendaftar Aktif Siswazah Mengikut Sektor,
1998-2002

SEKTOR	TAHUN					JUMLAH
	1998	1999	2000	2001	2002	
Pertanian, Perhutanan, Pemburuan & Penangkapan Ikan	1	0	1	3	0	5
Perlombongan & Kuari	3	2	4	0	1	10
Pembuatan	151	181	148	123	140	743
Elektrik, Gas & Air	7	6	2	11	3	29
Pembinaan	48	96	155	141	155	595
Perniagaan Borong & Runcit & Restoran & Hotel	16	18	57	72	79	242
Pengangkutan, Penyimpanan & Perhubungan	7	18	29	22	27	103
Kewangan, Insurans, Perkhidmatan Harta Benda & Perniagaan	129	116	181	141	194	761
Perkhidmatan Lain	73	70	112	98	136	489

Nota: Tiada maklumat untuk setiap sektor bagi bulan Jun 1998 dan bulan Februari 2001.

Sumber: Disesuaikan daripada Jadual Buletin: Perangkaan Bulanan Pendaftaran Di Jabatan Tenaga Rakyat, 1998-2002.

Perubahan struktur ekonomi negara daripada sektor perindustrian yang pesat kepada era globalisasi yang berasaskan maklumat telah memperkembangkan peranan sektor swasta dalam mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Peranan sektor awam sebagai penyedia pekerjaan utama kepada siswazah dalam tahun 70-an²² dan 80-an semakin terhakis, terutama apabila kerajaan juga menghadapi krisis lebihan tenaga kerja akibat kelembapan ekonomi sehingga pemotongan belanjawan dan penstrukturran semula operasi terpaksa dilakukan bagi setiap kementerian dan jabatan.

Iklan dilihat sebagai media perantaraan yang dominan dalam mempermudahkan pencarian kerja bagi siswazah apabila 36.4 peratus atau 1,039 orang daripada 2,858 siswazah yang telah mendapat pekerjaan untuk tempoh Januari 2001-Mei 2002 menggunakan perantaraan ini. Di samping itu, perantaraan lain seperti bantuan saudara/rakan, khidmat dari JTM, Agensi Pekerjaan Swasta (APS) dan lain-lain turut mempengaruhi. Saudara/rakan merupakan saluran kedua penting (23.7 peratus) dan ini diikuti oleh JTM (16.6 peratus), APS (1.8 peratus) dan sumber-sumber lain (18.0 peratus).

Ekoran daripada jumlah penganggur siswazah yang semakin meningkat, Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di bawah pakej ransangan ekonomi telah mengadakan Program Sangkutan dan Latihan di kalangan siswazah (SSL) serta pemegang diploma yang menganggur bagi mengurangkan beban kewangan di samping memberi pengalaman kepada graduan.

²² Lee Klong Hock et al. (1987) melaporkan sebanyak 70 peratus siswazah telah bekerja dalam sektor awam pada tahun 1973.

Program yang dimulakan pada November 2001 dan mendapat peruntukan sebanyak RM65 juta ini telah disambut baik oleh golongan siswazah. Jadual 3.12 menunjukkan sejak skim ini dilancarkan sehingga 31 Mei 2002, seramai 31,741 orang siswazah berkelulusan diploma dan ijazah telah mendaftar untuk menyertainya, tetapi hanya 18,194 orang sahaja yang terpilih untuk ditempatkan di bawah skim-skim tersebut (penerangan lanjut tentang jenis-jenis skim boleh dilihat pada lampiran 5).

JADUAL 3.12

Bilangan Siswazah Mendaftar dan Ditempatkan Mengikut Skim Sehingga 31 Mei 2002

JENIS SKIM DAN AGENSI	MENDAFTAR	DITEMPATKAN
Skim Sangkutan dan Latihan (SSL) (Jabatan Perkhidmatan Awam)	15,988	10,837
Skim Sangkutan Pembantu Pengajar (Kementerian Pendidikan)	4,209	570
Skim Sangkutan Kajian (Unit Perancang Ekonomi)	541	43
Skim Sangkutan dan Latihan Swasta (Unit Perancang Ekonomi)	681	25
Skim Usahawan Tani Komersial (Bank Pertanian Malaysia)	222	54
Skim Meningkatkan Keupayaan IKS dan ICT (Pusat SMIDEC dan PSDC)	683	90
Skim Latihan ICT dan Bahasa (Pembangunan Sumber Manusia Berhad) (12,449 orang sehingga Disember 2002)	8,800	6,301
Skim Melanjutkan Pelajaran (PTPTN)	617	274
Jumlah	31,741	18,194

Sumber: UPE, JPA dan PSMB (Diambil daripada Mohd Shahar et al. (2003a). "Apa Kata Siswazah Menganggur". Massa, Mac:31).

Skim SSL serta latihan ICT dan bahasa telah mendapat sambutan menggalakkan apabila jumlah permohonan dan penempatan graduan adalah paling tinggi berbanding skim-skim lain. Skim SSL telah menerima 15,988 permohonan, tetapi hanya 10,837 orang sahaja berjaya ditempatkan di bawah skim ini. Manakala, skim ICT dan bahasa pula menerima permohonan sebanyak 8,800, tetapi hanya 6,301 orang sahaja berjaya ditempatkan. Penyertaan graduan yang tinggi dalam skim ICT dan bahasa menunjukkan bahawa kebanyakan graduan tidak menguasai bahasa Inggeris serta kemahiran komputer sepenuhnya semasa berada di institusi pengajian.

3.4 Kesimpulan

Daripada analisis yang dilakukan, secara keseluruhan dapat dibuat beberapa kesimpulan tentang trend dan corak pengangguran siswazah di negara ini. Pertama, walaupun jumlah penganggur siswazah menunjukkan peningkatan daripada tahun 1998 sehingga 2002, peratusannya daripada jumlah keseluruhan pencari kerja adalah kecil, iaitu kurang daripada 20 peratus. Pencari kerja teramai adalah daripada kumpulan bukan siswazah/profesional.

Kedua, kebanyakan penganggur adalah graduan wanita, mempunyai ijazah dari IPTA, berbangsa Melayu, berumur dalam lingkungan 20-24 tahun, berkelulusan dalam bidang Perakaunan, Kejuruteraan, Kemanusiaan dan Sains, menamatkan pengajian pada tahun 2001 dan berada di negeri Kelantan.

Ketiga, jumlah penempatan siswazah paling ramai di sektor kewangan, Insurans, Perkhidmatan Harta Benda & Perniagaan sepanjang tempoh 1998-2002 menunjukkan bahawa permintaan siswazah adalah tinggi di sektor perkhidmatan sejajar dengan

perubahan dalam struktur ekonomi negara daripada sektor pembuatan kepada sektor tertiar.

Kempat, penganggur dari bidang Sastera didapati lebih sukar mendapat pekerjaan berbanding bidang teknikal dan Sains.